

06 AUG 2000

Aziz-Sekolah

SEKOLAH CINA DAN TAMIL TAK DITUTUP, KATA AZIZ

KUANTAN, 6 Ogos (Bernama) -- Kerajaan tidak berhajat untuk menutup sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil yang sedia ada dalam usahanya untuk melaksanakan konsep Sekolah Wawasan, kata Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Abdul Aziz Shamsuddin hari ini.

Katanya, apabila merancang Sekolah Wawasan, kerajaan yakin bahawa ianya merupakan cara untuk menyelesaikan soal integrasi nasional supaya penyatuan kaum dapat dijalankan dengan lebih sempurna tanpa meniadakan bahasa Cina atau Tamil di sekolah-sekolah.

"Kita juga tidak menghilangkan karektor guru yang mengajar bahasa Cina atau Tamil. Apa yang kita buat ialah untuk menyatukan dalam satu kawasan kelas-kelas yang mana dijalankan secara serentak," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Umno Bahagian Paya Besar di sini.

Konvensyen itu bagi membahaskan ucapan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada perhimpunan agung Umno lepas. Ia turut dihadiri Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob, selaku Ketua Umno Bahagian Paya Besar.

Abdul Aziz berkata paling penting ialah pelajar-pelajar dapat berkongsi peralatan dan kemudahan di sekolah secara lebih baik dan selesa.

Semasa ditanya tentang kebimbangan tokoh akademik Cina bahawa konsep sekolah wawasan akan menjejaskan karektor sekolah-sekolah Cina, beliau berkata : "Kita tidak menyalahkan mereka dan apabila ada wujud kekeliruan, maka sudah pasti dan baik untuk kita menghilangkan kekeliruan itu."

Beliau berpendapat negara akan lebih maju jika semua pihak mengamalkan sikap terbuka dan mahu berunding bagi menyelesaikan sesuatu perkara itu.

Semalam, Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata parti itu mahukan Kementerian Pendidikan memberi penjelasan tentang konsep sekolah wawasan kepada tokoh-tokoh akademik Cina yang bimbang bahawa ianya akan menjejaskan karektor sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina.

Konsep Sekolah Wawasan diperakui oleh Majlis Tertinggi Barisan Nasional baru-baru ini sebagai satu cara untuk menjalin integrasi nasional.

Melalui konsep itu, sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil akan berkongsi kemudahan di sekolah seperti kantin dan padang.

-- BERNAMA

ROS MAI